

SIARAN AKHBAR
Untuk Siaran Serta-Merta
(Selasa, 27 Ogos 2024)

Sime Darby Berhad Gandakan Untung Tahun Penuh
kepada RM3.3 bilion pada TK2024
Umum dividen berjumlah 13 Sen

Petaling Jaya, 27 Ogos 2024 – Sime Darby Berhad telah melaporkan untung bersih tahun penuh Kumpulan berjumlah RM3.3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 (TK2024), iaitu lebih dua kali ganda jumlah yang dilaporkan pada tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 30 Jun 2023 (TK2023). Lonjakan ini sebahagian besarnya adalah hasil keuntungan RM2 bilion yang diperolehi daripada penjualan Ramsay Sime Darby Health Care (RSDH) pada Disember 2023.

Tidak termasuk item sekali tersebut, Kumpulan melaporkan untung bersih teras sebanyak RM1.3 bilion pada TK2024, peningkatan 14 peratus berbanding TK2023, terutamanya disebabkan oleh keuntungan lebih tinggi daripada perniagaan Perindustrian Kumpulan di Australia, prestasi kukuh daripada perniagaan Automotif di Malaysia, Singapura dan Taiwan, serta sumbangan keuntungan daripada UMW.

Hasil Kumpulan meningkat sebanyak 39 peratus kepada RM67.1 bilion pada TK2024, berbanding RM48.3 bilion pada TK2023.

“Kumpulan telah mengalami tahun yang agak sibuk dari segi pemerolehan. Tahun lepas, kami berjaya menyempurnakan pengambilalihan Cavpower dan UMW. Di samping itu, kami juga memuktamadkan penjualan RSDH pada tahun dilaporkan, sekali gus menandakan pengeluaran sepenuhnya daripada segmen penjagaan kesihatan dan membolehkan Kumpulan memberikan tumpuan penuh pada usaha mengembangkan perniagaan teras kami, iaitu perniagaan Automotif dan Perindustrian.

“Walaupun menghadapi keadaan yang mencabar, prestasi kami tetap kukuh, menandakan ketahanan dan kemantapan portfolio perniagaan kami yang terpelbagai di pasaran berbeza.

“Bahagian Perindustrian di Australia telah mencatatkan keuntungan lebih tinggi, terutamanya daripada jualan peralatan dan khidmat sokongan produk yang meningkat,” kata Dato’ Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad.

Bagi suku keempat berakhir 30 Jun 2024 (S4 TK2024), Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM89 juta. Hasil bagi suku tahun tersebut meningkat sebanyak 41.4 peratus kepada RM18.8 bilion, berbanding RM13.3 bilion pada S4 TK2023.

Pada suku tahun yang dilaporkan, untung sebelum faedah dan cukai Kumpulan bagi bahagian Perindustrian meningkat 6.4 peratus kepada RM399 juta, khususnya dipacu sumbangan untung daripada Australia dan Asia Tenggara. Sumbangan ini membantu mengurangkan kesan daripada prestasi yang kurang memberangsangkan di China dan New Zealand.

Dalam persekitaran yang mencabar, bahagian Permotoran telah melaksanakan penilaian semula strategik operasi dan melakukan rosot nilai sekali berjumlah RM229 juta pada suku tahun yang dilaporkan. Tanpa mengambil kira item sekali ini, untung sebelum faedah dan cukai bahagian ini menyusut sebanyak 36.7 peratus, terutamanya disebabkan kerugian operasi bahagian ini di Tanah Besar China.

Untung sebelum faedah dan cukai UMW, bahagian ketiga Kumpulan, adalah sebanyak RM171 juta untuk suku tahun yang dilaporkan, dengan perniagaan automotif UMW merupakan penyumbang utama.

“TK2024 merupakan tahun yang mencabar bagi operasi kami di China. Bagaimanapun, kami tetap yakin dengan prospek jangka panjang China dan terus memantau operasi kami di sana dengan teliti untuk memastikan kami berada pada kedudukan yang kukuh untuk memanfaatkan trend dan peluang yang muncul. Kami juga gembira dengan prestasi kukuh perniagaan lain kami di Australia dan Malaysia,” rumus Dato’ Jeffri.

Sime Darby mengisytiharkan dividen interim kedua sebanyak 10 sen sesaham bagi S4 TK2024. Pengumuman ini menjadikan dividen keseluruhan berjumlah 13 sen sesaham atau RM886 juta yang dibayar bagi TK2024.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cavina Lim

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60125944559

E-mel: cavina.lim.ali@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawai prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja kira-kira 30,000 kakitangan dan kehadiran di 18 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM18.13 bilion (USD4.16 bilion) setakat pada 26 Ogos 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarby.com.